

15/05/2001

Hasil sawit bina landasan (HL)

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia dan India hari ini bersetuju melaksanakan perdagangan timbal balas iaitu antara minyak sawit dengan pelaksanaan projek pembinaan landasan kereta api berkembar elektrik Ipoh-Padang Besar.

Persetujuan itu adalah antara dua perjanjian dan lima memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani kedua-dua negara sempena lawatan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee.

Vajpayee dan perwakilannya yang tiba di sini semalam, dalam lawatan rasmi ke Malaysia sehingga lusa.

MoU untuk pelaksanaan landasan bagi Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) ditandatangani antara Kementerian Pengangkutan dan IRCON International Ltd yang masing-masing diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Shaari, dan Pengarah Urusan IRCON, Arun Prasada.

Pembayaran bagi projek yang dianggar menelan belanja antara RM5 bilion hingga RM6 bilion itu dijangka dibuat melalui eksport minyak sawit ke India.

Kerajaan India turut memberi jaminan kepada Malaysia ia akan menyemak semula duti import minyak sawitnya. Komitmen itu diberikan oleh Vajpayee kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam rundingan dua hala mereka di sini, pagi ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika mengulas perjanjian perdagangan timbal balas itu berkata, pada harga minyak sawit semasa, sekurang-kurangnya 1.5 juta tan metrik akan dieksport ke India dalam tempoh lima tahun akan datang.

Harga semasa minyak sawit mentah ialah kira-kira RM740 setan metrik.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kedua-dua negara mengakui perdagangan dua hala agak berat sebelah, iaitu lebih memihak kepada Malaysia.

"Bagi mewujudkan keseimbangan yang lebih adil, Malaysia akan memberikan kontrak kepada Kerajaan India.

"Ini adalah kontrak berhubung pembinaan landasan berkembar dan elektrik KTMB Seksyen Ipoh-Padang Besar yang diberikan kepada IRCON International Ltd dari India. Kita harap ini memperbetulkan ketidakseimbangan itu," katanya kepada pemberita selepas Vajpayee mengunjungi Dr Mahathir.

Beliau juga berkata, India memberi komitmen teguh untuk menimbangkan langkah menurunkan cukai import ke atas minyak sawit, tetapi ia tertakluk kepada kekangan dalamannya sendiri ketika ini.

"Kita meminta supaya minyak sawit diberikan layanan adil dan seimbang seperti minyak lain, dengan mengurangkan cukai import. Pendapat India mengenai perkara ini nampaknya positif," katanya.

Laporan sebelum ini menyebut, cukai ke atas minyak sawit yang diimport ke India adalah kira-kira 92.4 peratus, manakala cukai import ke atas minyak kacang soya 50.8 peratus. Perbezaan besar antara dua kadar itu menjadi masalah kepada Malaysia.

Syed Hamid berkata, selain perjanjian dan MoU antara kedua-dua kerajaan, sembilan lagi MoU akan ditandatangani oleh sektor swasta kedua-dua negara.

Katanya, kehadiran 75 wakil sektor swasta dalam perwakilan India itu adalah isyarat jelas bahawa kedua-dua pemimpin mahu melihat hubungan diperkukuhkan.

Beliau berkata, lawatan Vajpayee akan meningkatkan hubungan kukuh yang sedia terjalin antara Malaysia dan India. Malah, kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan terus terang, membina dan produktif.

"Kedua-duanya bersetuju membina hubungan yang baik dalam pelbagai dimensi merangkumi politik dan ekonomi," katanya.

India juga gembira kedua-dua negara memulakan mekanisme seperti mesyuarat suruhanjaya bersama yang diadakan tahun lalu serta mesyuarat pertahanan tahun ini kerana ia mendorong kepada peningkatan hubungan dua hala.

Kedua-dua pemimpin menyentuh perlunya bagi Malaysia dan India bersepakat dan bekerjasama dalam beberapa perkara mengenai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), agar boleh mengadakan penyelarasan untuk memastikan bahawa kepentingan negara membangun dipelihara.

Syed Hamid berkata, kerajaan juga gembira dengan kerjasama yang dilaksanakan bersama Petronas dalam usaha mencari gali minyak serta untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan, terutama di bidang maklumat yang mana India bersetuju bekerjasama mengenai perisian IT dan dagangan.

Perbincangan itu juga berkisar di sekitar perlunya fungsi India sebagai rakan dialog dalam Asean dipertingkatkan.

"Kita gembira dengan peranan positif India sebagai rakan dialog dalam Asean, di bawah keselamatan serantau Asean, dan berharap fungsi ini berkembang ke arah memberikan manfaat kepada rantau Asean," katanya.

Perkara lain yang dibincangkan, termasuk pandangan India berhubung sistem pertahanan peluru berpandu yang mana Malaysia berpendirian perlumbaan senjata harus dikurangkan.

Sementara itu, perjanjian pertama yang ditandatangani antara kedua-dua negara ialah pengecualian syarat visa untuk pemegang pasport diplomatik dan pegawai. Ia ditandatangani Syed Hamid dan Menteri Teknologi Maklumat India, Shri Pramod Mahajan.

Syed Hamid dan Mahajan turut menandatangani perjanjian penyingkiran percukaian berganda dan pencegahan pengelakan fiskal berkaitan cukai dan pendapatan.

Selain MoU bagi pelaksanaan projek landasan kereta api berkembar elektrik KTMB itu, kedua-dua kerajaan turut memeterai MoU bagi kerjasama berkaitan pelaburan, pembinaan, penswastan dan pengurusan pelabuhan laut di India.

MoU terbabit dimeterai di antara Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Mahajan.

Satu lagi MoU ialah kerjasama teknologi maklumat (IT) dan perkhidmatan yang ditandatangani Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Mahajan.

(END)